

# **PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (KAWASAN LARANGAN) 1994**

---

## **SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN**

---

### *Peraturan*

1. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Larangan mengutip cangkerang, dsb.
4. Larangan menangkap ikan dalam kawasan larangan perikanan.
5. Pembatalan.

JADUAL.

## **PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (KAWASAN LARANGAN) 1994\***

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 61 Akta Perikanan 1985, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

### **1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perikanan (Kawasan Larangan) 1994** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 15hb Disember 1994.

### **2. Tafsiran.**

Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, "kawasan larangan perikanan" ertiannya kawasan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual.

### **3. Larangan mengutip cangkerang, dsb.**

Tiada seorang pun boleh mengutip cangkerang, moluska atau karang dalam kawasan larangan perikanan.

### **4. Larangan menangkap ikan dalam kawasan larangan perikanan.**

Tertakluk kepada peraturan 3, tiada seorang pun boleh membunuh atau menangkap apa-apa ikan di dalam kawasan larangan perikanan melainkan jika dia memegang suatu lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 11 Akta menyatakan tempat yang berkenaan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual sebagai pangkalan perikanan.

### **5. Pembatalan.**

Peraturan-peraturan Perikanan (Kawasan Larangan) 1983 adalah dibatal- [PU/  
kan. 424/

---

\* Diterbitkan sebagai PU (A) 402/94 dan dipinda oleh PU (A) 444/98, 381/02.

JADUAL  
(Peraturan 2)

KAWASAN LARANGAN PERIKANAN

	(1) Tempat	(2) <i>Kawasan Larangan</i>
	Pulau Talang-Talang Besar	Perairan kelautan dalam kawasan dua batu nautika dari titik terluar Pulau Talang-Talang Besar, Sarawak yang diukur pada tikas air surut.
	Pulau Talang-Talang Kecil	Perairan kelautan dalam kawasan dua batu nautika dari titik terluar Pulau Talang-Talang Kecil, Sarawak yang diukur pada tikas air surut.
[Gan. PU(A) 444/98]	Pulau Besar	Perairan kelautan dalam kawasan satu batu nautika dari titik terluar Pulau Besar, Melaka yang diukur pada tikas air surut.
	Tanjung Tuan	Perairan kelautan dalam kawasan satu batu nautika dari titik terluar Tanjung Tuan, Melaka yang diukur pada tikas air surut dari Garis Lintang $02^{\circ} 24.86'$ Utara, Garis Bujur $101^{\circ} 51.53'$ Timur hingga Garis Lintang $02^{\circ} 24.95'$ Utara, Garis Bujur $101^{\circ} 51.38'$ Timur.
[Ins. PU(A) 381/02]	Tanjung Tuan 1	Perairan kelautan dalam kawasan satu batu nautika dari titik terluar Tanjung Tuan, Negeri Sembilan yang diukur pada tikas air surut dari Garis Lintang $02^{\circ} 26.90'$ Utara, Garis Bujur $101^{\circ} 51.35'$ Timur hingga Garis Lintang $02^{\circ} 24.95'$ Utara, Garis Bujur $101^{\circ} 51.38'$ Timur.
[Ins. PU(A) 381/02]	Tanjung Tuan 2	Perairan kelautan dalam kawasan satu batu nautika dari titik terluar Tanjung Tuan, Negeri Sembilan yang diukur pada tikas air surut dari Garis Lintang $02^{\circ} 24.86'$ Utara, Garis Bujur $101^{\circ} 51.53'$ Timur hingga Garis Lintang $02^{\circ} 25.30'$ Utara, Garis Bujur $101^{\circ} 54.80'$ Timur.

Dibuat pada 22hb Ogos 1994.